



KHAIRUNISAH (kiri)
melepaskan peserta
bagi mengutip sampah
sarap di Sungai Skudai.

Hentikan pencemaran

■ JPS berusaha pulih kualiti air Sungai Skudai pada tahap 2

Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my
Johor Bahru

Tahap kualiti air sungai di Sungai Skudai perlu ditingkatkan kepada tahap dua berbanding tahap tiga pada ketika ini.

Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Johor Bahru Khairunisah Husain berkata, melalui program berbentuk kesedaran komuniti yang berterusan memungkinkan hasrat itu dapat dicapai.

Katanya, Sungai Skudai sepanjang kira-kira 48 kilometer itu menjadi kotor

akibat sisa pembuangan sampah pepejal oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

“Hasil pemerhatian pihak kami, tahap kualiti air di hulu Sungai Skudai berdekatan Saleng, Kulaijaya masih berada pada tahap dua iaitu tidak tercemar.

“Aliran air sungai berkenaan mula tercemar di kawasan Skudai kerana faktor pembangunan, perumahan yang padat, kilang, pertanian dan penternakan.

“Program kesedaran ini

dianjurkan bagi mencapai objektif agar Sungai Skudai mencapai kualiti air tahap dua di bawah Program ‘Satu Negeri Satu Sungai,’ katanya ketika berucap pada Program

Kesedaran Alam Sekitar JPS bersama Komuniti di Pusat Informasi Sungai Skudai di sini, baru-baru ini.

Khairunisah menekankan pembabitian masyarakat dalam penjagaan alam sekitar khususnya sungai amat penting bagi memastikan keindahan, sekaligus menjadi penya-

lur maklumat jika terdapat aktiviti pencemaran.

Katanya selain bekerjasama dengan masyarakat, pihaknya turut menyelenggara Sungai Skudai termasuk memasang perangkat sampah automatik, merawat air secara bioteknologi dan membersihkan rizab sungai di sekitar Taman Tampoi Utama.

“Pihak JPS sentiasa bekerjasama dengan masyarakat setempat bagi pemeliharaan dan pemuliharaan sungai bagi memastikan persekitaran sungai berada pada tahap yang memuaskan,” katanya.

FAKTA
Pembangunan
dan kurang
kesedaran moral
punca sungai
kotor